

14 MAY 2001

VAJPAYEE-LAWATAN

INDIA TIMBANG TURUNKAN CUKAI IMPORT KE ATAS MINYAK SAWIT

PUTRAJAYA, 14 Mei (Bernama) -- India telah memberi komitmen teguh untuk menimbangkan langkah menurunkan cukai import ke atas minyak sawit tetapi perkara itu tertakluk kepada kekangan dalamannya sendiri yang wujud pada masa ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Kita telah meminta supaya minyak sawit diberikan layanan yang adil dan seimbang seperti minyak-minyak lain, dengan mengurangkan cukai import," katanya kepada pemberita pada satu sidang akhbar selepas Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya hari ini.

Menurut laporan berita terdahulu, cukai ke atas minyak sawit yang diimport ke India adalah kira-kira 92.4 peratus manakala cukai import ke atas minyak kacang soya berjumlah 50.8 peratus. Perbezaan yang besar di antara kedua kadar ini telah menjadi masalah kepada Malaysia.

Syed Hamid berkata pendapat India mengenai perkara ini nampaknya positif.

Vajpayee dan para perwakilannya sedang dalam lawatan rasmi ke Malaysia dari 13 hingga 16 Mei.

Pada majlis hari ini, kedua-dua kerajaan telah menandatangani dua perjanjian dua hala dan lima memorandum persefahaman (MoU).

Selain perjanjian-perjanjian dan MoU antara kedua-dua kerajaan itu, kata Syed Hamid, ada sembilan lagi MoU yang akan ditandatangani oleh sektor swasta kedua-dua negara.

Katanya, kehadiran 75 wakil dari sektor swasta dalam perwakilan India itu merupakan isyarat jelas bahawa kedua-dua pemimpin itu mahu melihat hubungan diperkukuhkan.

Pada sidang akhbar tersebut, Syed Hamid berkata lawatan Vajpayee akan mempertingkatkan lagi hubungan baik dan kukuh yang telah sedia terjalin antara Malaysia dan India kerana kedua-dua pemimpin telah mengadakan satu perbincangan yang terus terang, membina dan produktif.

Kedua-duanya telah bersetuju untuk membina hubungan yang baik dalam bidang-bidang pelbagai dimensi merangkumi politik dan ekonomi.

Kata beliau, India juga gembira bahawa kedua-dua negara telah memulakan mekanisme seperti mesyuarat suruhanjaya bersama yang telah diadakan tahun lalu serta mesyuarat pertahanan yang diadakan tahun ini, kerana langkah-langkah ini akan mendorong kepada peningkatan hubungan antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin itu juga menyentuh tentang perlunya bagi Malaysia dan India untuk bersepakat dan bekerjasama dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), dalam beberapa pendirian tertentu agar kedua-dua negara boleh mengadakan penyelarasan untuk memastikan bahawa kepentingan negara-negara membangun dipelihara.

Pemimpin-pemimpin itu juga bersetuju bahawa perdagangan dua hala agak berat sebelah, iaitu lebih memihak kepada Malaysia, dan untuk mewujudkan keseimbangan yang lebih adil, Malaysia akan memberikan kontrak-kontrak kepada kerajaan India.

"Ini adalah kontrak berhubung dengan pembinaan landasan berkembar dan berelektrik KTM Seksyen Ipoh-Padang Besar yang diberikan kepada IRCON International Ltd dari India. Kita harap ini akan memperbetulkan ketidakseimbangan itu," tambah beliau.

Katanya kontrak tersebut bernilai di antara RM5 dan RM6 bilion dan kontrak tersebut boleh dijayakan berdasarkan dagangan timbal balas.

Syed Hamid berkata kerajaan juga gembira dengan kerjasama yang dilaksanakan dengan Petronas dalam usaha mencarigali minyak dan juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan, terutama dalam bidang maklumat, di mana India telah bersetuju untuk bekerjasama mengenai perisian IT dan dagangan.

Perbincangan itu juga berkisar di sekitar perlunya peranan India sebagai rakan dialog dalam Asean dipertingkatkan.

"Kita gembira dengan peranan positif India sebagai rakan dialog dalam Asean, di bawah keselamatan serantau Asean, dan berharap peranan ini akan berkembang ke arah memberikan manfaat kepada rantau Asean dan bertindak sebagai pemangkin bagi meningkatkan hubungan di kalangan negara-negara dalam Asia Tenggara dan negara-negara yang penting bagi Asia Selatan," tambahnya.

Kata beliau, perkara-perkara lain yang dibincangkan adalah pandangan India berhubung dengan sistem pertahanan peluru berpandu, di mana Malaysia berpendirian bahawa perlumbaan senjata harus dikurangkan.

Tentang sama ada struktur kewangan baru perlu diwujudkan, beliau berkata, pandangan India sentiasa positif.

Syed Hamid berkata, Vajpayee juga telah mempelawa Dr Mahathir untuk melawat India. -- BERNAMA

SHO KTC KY JR